

A decorative element on the left side of the page consisting of two parallel vertical lines, one thick and one thin.

BAB PERTAMA

BAB 1

PENDAHULUAN

A. LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam melihat sejarah perjuangan rakyat Indonesia untuk merebut kembali tanah air dari penjajah Belanda, pada dasarnya kita harus melihat motivasi yang mempengaruhi dalam setiap diri bangsa Indonesia. Dalam masa yang panjang, selama 350 tahun, bangsa Indonesia ditekan oleh penjajah dari berbagai aspek kehidupan sehingga rakyat Indonesia menjadi pengemis di bumi sendiri.

Ketika masyarakat merasakan bahawa hak milik serta kebebasan mereka semakin ditekan, maka timbullah berbagai idea untuk melepaskan diri daripada tekanan-tekanan tersebut. Semenjak dari awal lagi bangsa Indonesia menolak kedatangan penjajah di tanah air yang dicintai, sehingga timbullah perlawanan-perlawanan dan peperangan antara penjajah Belanda dengan penduduk pribumi.

Bangsa Indonesia bersatu dalam melawan penjajah, sanggup mengorbankan jiwa dan raga. Kemenangan dan kekalahan merupakan fenomena perjuangan yang sering dihadapi. Sehingga lahirlah tokoh-tokoh perjuangan yang memikirkan cara melepaskan diri daripada penjajah. K. H. Ahmad Dahlan adalah salah seorang tokoh yang berusaha

melepaskan belenggu penjajah melalui pendekatan pendidikan Islam.

K. H. Ahmad Dahlan dilahirkan pada tahun 1868 dan meninggal tahun 1923,¹ merupakan seorang tokoh yang lebih peka terhadap penderitaan masyarakat. K. H. Ahmad Dahlan merasakan bahawa pendidikan Islam merupakan hal yang paling pokok dijadikan alat untuk menentang penjajah. Kerana di antara pokok fikirannya iaitu; "kunci persoalan peningkatan kualiti hidup dan kemajuan umat Islam ialah pemahaman terhadap berbagai ilmu pengetahuan yang sedang berkembang dalam tata kehidupan masyarakat."²

Dalam bidang akidah, pandangan K. H. Ahmad Dahlan sama dengan pandangan dan pemikiran ulama Salaf. Menurut pandangan K. H. Ahmad Dahlan beragama itu adalah beramal, ertinya berkarya dan berbuat sesuatu, melakukan tindakan sesuai dengan isi pedoman Al-Quran dan Sunnah. Orang yang beragama ialah orang yang menghadapkan jiwanya dan hidupnya hanya kepada Allah SWT, yang dibuktikan dengan tindakan dan perbuatan seperti rela berkorban baik harta benda miliknya dan dirinya, serta bekerja dalam kehidupannya untuk Allah.

Pokok fikiran K. H. Ahmad Dahlan yang lain, iaitu

¹Tim Pembina al-Islam dan kemuhammadiyah Universitas Muhammadiyah Malang, *Muhammadiyah, sejarah, Pemikiran dan Amal Usaha*, PT Tiara Wacana, Yogyakarta, 1990, h. 4.

²Abdul Munir Mulkhan, *Pemikiran K. H. Ahmad Dahlan dan Muhammadiyah Dalam Perspektif Perubahan Sosial*, Bumi Aksara, Jakarta, 1990, h. 9.

mempelajari teori-teori pengetahuan dan keterampilan atau kemahiran melalui proses bertingkat. K. H. Ahmad Dahlan sering mengkaji ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan pendidikan dan kemasyarakatan. Seperti ajaran tentang hawa nafsu, memperhatikan nasib anak yatim, pengorbanan, kesedaran menggunakan waktu, kesedaran dalam beramal. Beliau juga menitikberatkan dalam beramal harus mengikuti amalan Rasulullah SAW, bekerja keras, berjihad, mementingkan kepentingan orang ramai, seimbang antara ucapan dan perbuatan, menjaga diri daripada perbuatan salah serta mengingatkan orang agar hati mereka selalu ingat kepada Allah.

Menurut R. H. Hadjid, K. H. Ahmad Dahlan sering mengulangkaji 17 ayat Al-Quran yang ditulis dalam kamarnya. 17 ayat dapat dikelompokkan ke dalam 14 surat iaitu: (1) Al-Jathiyah (45): 23. (2) Al-Fajar (89): 16-23. (3) Al-Ma'un (107): 1-4. (4) Ar-Rum (30): 30. (5) At-Taubah (9): 34-35. (6) Al-Ashr (103): 1-3. (7) Al-Ankabut (29) 2. (8) Az-Zumar (39): 2 dan Al-Ahzab (33): 21. (9) Ali Imran (3): 1-2 dan 92. (10) Al-An'am (6): 162. (11) Al-Qariah (101): 6-11. (12) Shaf (61): 3-4. (13) At-Tahrim (66): 6. (14) Al-Hadid (57): 16.³

Melalui ayat-ayat Al-Quran dan Sunnahlah yang menjadi motivasi terhadap K. H. Ahmad Dahlan dalam usaha mengembangkan cita-citanya. Ini dibuktikan oleh beliau dengan

³*Ibid.*, h. 12.

menjalankan berbagai aktiviti-aktiviti yang bersifat pendidikan dan keagamaan. Pada tahun 1896 Kyai Haji Ahmad Dahlan diangkat sebagai khatib dengan gelaran Ketib Amin oleh kerajaan Ngayogyakarta Hadiningrat dalam usia 28 tahun, menggantikan tempat ayahnya.

Pada tahun 1908-1909 K. H. Ahmad Dahlan mendirikan sekolah yang pertama secara formal yakni Madrasah Ibtidaiyah dan Madrasah Diniyah di rumah beliau sendiri dalam ruang tamunya yang sempit berukuran 2. 5 x 6 m."⁴ Sekolah tersebut dilaksanakan secara moden dengan menggunakan metod (cara) dan kurikulum baru; antara lain diajarkan berbagai ilmu pengetahuan yang sedang berkembang pada awal abad 20.

Sekolah tersebut merupakan sekolah pertama yang dibangun dan dikelolakan oleh anak bumiputera secara sendiri yang diatur dengan perlengkapan belajar mengajar moden, seperti bangku, papan tulis, kerusi dan sistem pengajaran menggunakan kelas. Satu sistem pengajaran dan pengelolaan sekolah yang masih asing (belum pernah dilaksanakan) di kalangan masyarakat pondok, sehingga ada yang mengatakan sekolah kafir. Murid pertama sekolah tersebut hanya enam orang, akan tetapi setengah tahun kemudian meningkat menjadi 20 orang.

Ada dua faktor penting yang menjadi gagasan dalam usaha

⁴*Ibid.*, h. 19.

yang dilakukan oleh K. H. Ahmad Dahlan dalam mendirikan sekolah ketika itu. Pertama faktor sejarah, kedua, faktor yang timbul akibat adanya perkembangan dalam diri umat Islam. Ditinjau dari faktor sejarah bahwa pada mulanya sistem pendidikan dirancang untuk kepentingan yang sangat pragmatis dan dengan cara yang sangat sederhana. Dilihat dari sudut pandangan ini maka pendidikan yang didirikan oleh K. H. Ahmad Dahlan secara sederhana dapat dikatakan sebagai salah satu usaha untuk keluar dari budaya pendidikan model pesantren (pondok).

Usaha yang dilakukan K. H. Ahmad Dahlan itu sangat besar ertinya, sebagai jawaban terhadap perkembangan dalam diri umat Islam masa itu. Perkembangan intelektual umat Islam Indonesia telah dikongkong oleh penjajah selama tiga setengah abad. Ditinjau dari perspektif Islam menurut K. H. Ahmad Dahlan ditandai oleh beberapa gejala:

- a. Kerosakan dibidang kepercayaan agama (iktikad).
- b. Kebekuan dalam bidang hukum fiqh.
- c. Kemunduran dalam pendidikan Islam.
- d. Kemajuan zending Kristian dan misi Katolik.⁵

Dari gejala-gejala yang dapat menghilangkan kemurnian nilai Islam tersebut yang menjadi motivasi terhadap K. H. Ahmad Dahlan untuk melakukan aktiviti-aktiviti sebagai berikut:

- a. Membersihkan Islam dari pengaruh-pengaruh dan

⁵M. Yunan Yusuf, dkk. *Cita dan Citra Muhammadiyah*, Pustaka Panjimas, Jakarta, 1985, h. 86-87.

kebiasaan-kebiasaan bukan Islam.

- b. Memformulasikan kembali doktrin Islam menurut alam fikiran moden.
- c. Reformasi ajaran dan pendidikan Islam.
- d. Memperkatakan Islam dari pengaruh dan serangan dari luar.
- e. Melepaskan Indonesia dari belenggu penjajah.⁶

Pada dasarnya cita-cita pendidikan K. H. Ahmad Dahlan tersebut meliputi tiga aspek:

- a. Baik budi, alim dan agama.
- b. Luas pandangan alim dalam ilmu-ilmu dunia (ilmu umum)
- c. Bersedia berjuang untuk kemajuan masyarakat.⁷

K. H. Ahmad Dahlan berani meniru model pendidikan Barat, sehingga mendapat berbagai tanggapan daripada masyarakat. Namun K. H. Ahmad Dahlan melihat bahawa pendidikan merupakan kunci untuk melakukan berbagai perintah agama. Mengingat ketika itu sistem pendidikan kolonial Belanda dipandang yang terbaik, maka jalan yang termudah untuk dipilih dengan cara memformulasi sistem tersebut, lalu disempurnakan dengan menambah nilai-nilai agama di dalamnya.

Sebagai orang yang berpandangan luas, K. H. Ahmad Dahlan cukup objektif dalam menerima kebudayaan asing,

⁶*Ibid.*, h. 87.

⁷*Ibid.*

yakni sistem pendidikan Barat, pemeliharaan yatim piatu dan lain-lain. Dengan kata lain, ia berusaha mengislamkan berbagai segi kehidupan yang tidak Islami. Umat Islam tidak diarahkan kepada pemahaman agama mistis melainkan menghadapi dunia secara realistik. Hidup harus disertai dengan karya nyata baik untuk diri sendiri maupun untuk masyarakat.⁸

Tujuan pendidikan yang dilaksanakan K. H. Ahmad Dahlan di atas untuk mengatasi daripada sistem pendidikan penjajah ketika itu. Nilai dan sumber budaya Barat yang bercirikan intelektualisme, individualisme, egoisme dan materialisme telah mempengaruhi di antara masyarakat elit Indonesia. Hanya dengan cara mengembalikan nilai-nilai Islam barulah tujuan pendidikan Islam itu dapat dilaksanakan. Sebab tujuan pendidikan Islam itu tidak dapat dipisahkan daripada tujuan hidup.

Pendidikan bertujuan untuk memelihara kehidupan manusia. Dalam konteks Islam dengan tegas mengatakan bahwa apapun tindakan yang dikerjakan oleh manusia haruslah dikaitkan dengan Allah.⁹ Katalah: *"Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku, matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam."*

(Al-An'am: 162)¹⁰

⁸ Ibid., h. 88.

⁹ Hasan Langgulung, *Manusia dan Pendidikan Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan*, Pustaka al Husna Jakarta, 1986, h. 33.

¹⁰ Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran, *Al-Quran dan Terjemahannya*, CV. Toha Putra, Semarang, 1989, h. 216.

Belanda pada masa itu berusaha dengan giat untuk memasukkan idea-idea sistem pendidikan Barat ke dalam jiwa bangsa Indonesia. Seperti yang dikatakan oleh seorang orientalis Belanda Snouck Hurgronje, bahawa pendidikan Barat dapat menjadi alat pencegah terbaik bagi bahaya yang mungkin datang dari suatu gerakan Pan Islam yang militan di Indonesia.¹¹

Usaha yang dilakukan oleh Snouck Hurgronje tersebut, dapat mempengaruhi di antara masyarakat Indonesia, kerana orientalis berusaha untuk memasukkan konsep Barat di dalam pendidikan Islam Indonesia. Sejauh ini tidak dapat dielakkan bahawa sampai sekarangpun ramai individu yang memegang peranan dalam pendidikan masih terus merupakan pelanjut jiwa dan semangat Snouckisme¹², baik secara sedar ataupun tidak.

Pada dasarnya tujuan pendidikan Belanda pada saat itu untuk menyiapkan tenaga kerja yang dapat dibayar dengan murah serta menyokong politik yang mereka gunakan. Landasan pendidikan yang diselenggarakan pemerintahan Hindia Belanda sebelum tahun 1900 menganut prinsip antara lain:

- a. Pemerintahan berusaha tidak memihak salah satu agama tertentu.
- b. Tidak diusahakan untuk hidup secara harmoni

¹¹John D Legge, *Sukarno a Political Biography*, Sinar Harapan, Jakarta, 1985, h. 53.

¹²Nurchalis Madjid, *Islam Kemodrenan dan Keindonesiaan*, Mizan, Bandung, 1987, h. 187.

dengan lingkungannya, tapi lebih ditekankan agar supaya anak didik kelak kemudian hari dapat mencari penghidupan atau pekerjaan demi kepentingan kolonial.

- c. Sistem persekolahan disusun menurut adanya perbezaan lapisan sosial yang ada dalam masyarakat Indonesia; khusus yang ada di Pulau Jawa. Pada umumnya pendidikan diukur dan diarahkan untuk membentuk suatu golongan elit sosial agar dapat dipakai sebagai alat bagi kepentingan atau keperluan supersi politik dan Ekonomi Belanda di Indonesia.¹³

Daripada fenomena perkembangan pendidikan yang dilaksanakan ketika itu K. H. Ahmad Dahlan merasakan perlu adanya organisasi yang dapat meneruskan cita-citanya dalam mengembangkan nilai-nilai secara umum dan pendidikan Islam secara khusus. Maka pada tanggal 18 November 1912 berdirilah organisasi yang diberi nama dengan Muhammadiyah.¹⁴ Upacara resmi dilakukan di Malioboro Jokjakarta yang dihadiri sekitar 70 orang.

Melalui organisasi Muhammadiyah inilah K. H. Ahmad Dahlan meneruskan perjuangannya dalam menegakkan nilai-nilai Islam, sekaligus berusaha mencerdaskan bangsa dalam

¹³BP3K, *Pendidikan di Indonesia*, Balai Pustaka, Jakarta, 1987, h. 23.

¹⁴Lukman Harun, *Muhammadiyah dan Asas Pancasila*, Panjimas, Jakarta, 1986, h. 9.

mencapai kemerdekaan. Organisasi Muhammadiyah ini didirikan sebagai gerakan tajdid dengan tujuan antara lain:

1. Mengembalikan dasar kepercayaan umat kepada kemurnian ajaran Islam yang langsung bersumber kepada Al-Quran dan Hadith.
2. Menafsirkan ajaran Islam secara moden.
3. Mengamalkan ajaran Islam dalam amal perbuatan yang berguna bagi masyarakat.
4. Memperbaharui sistem pendidikan Islam secara moden sesuai dengan kehendak dan tuntutan zaman.
5. Mengintensifkan ajaran-ajaran Islam serta mempergiatkan usaha dakwah.
6. Membebaskan manusia dari ikatan-ikatan tradisionalisme, konservatisme dan formalisme yang membelenggu hidup dan kehidupan masyarakat.
7. Menegakkan hidup dan kehidupan setiap peribadi, keluarga dan masyarakat Islam menurut tuntutan agama¹⁵.

Organisasi Muhammadiyah yang didirikan oleh K. H. Ahmad Dahlan pada tahun 1912 itu terus berkembang dalam berbagai aspek kehidupan. Baik dibidang tajdid, bidang

¹⁵ Yusuf, *op. cit.*, h. ix-x.

dakwah, bidang pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan. Anggota organisasi Muhammadiyah sampai saat ini mempunyai anggota dan simpatisan sekitar 14 juta orang.¹⁶ Melihat dari jumlah tersebut maka Muhammadiyah merupakan organisasi Islam yang besar di dunia.

Sejalan dengan perkembangan amal usaha organisasi Muhammadiyah berbagai aktiviti sering dilakukan di seluruh daerah di Indonesia. Pada masa terakhir amal usahanya meliputi, 6000 tempat pengajian, 215 Hospital dan Klinik, 72 Perguruan Tinggi, 5084 Sekolah Menengah Tingkat Atas, 4375 Sekolah Menengah Tingkat Pertama, 3027 Sekolah Rendah, 3485 Taman Kanak-kanak, 960 Madrasah, 144 Panti Asuhan, dan beberapa pondok Pesanteren di Jawa Timur, Jawa Tengah, Jawa Barat, dan beberapa lainnya di luar Jawa.¹⁷

Suatu perkara yang sangat penting iaitu Konsep pendidikan K. H. Ahmad Dahlan telah menjadi sistem pendidikan Nasional Indonesia,¹⁸ sehingga beliau disebut sebagai Bapak Pendidikan Nasional di samping Ki Hajar Dewantoro. Di samping perkembangan organisasi Muhammadiyah bukan sahaja di seluruh wilayah Indonesia, tetapi telah tersebar keluar negara secara resmi di Singapura dan

¹⁶Umar Hasyim, *Muhammadiyah Jalan Lurus*, PT Bina Ilmu, Surabaya, 1990, h. vi.

¹⁷Mulkhan, *op. cit.*, h. 43.

¹⁸Yusuf, *op. cit.*, h. xi.

Pulau Pinang dan semenanjung Malaysia.¹⁹

Dari fenomena di ataslah penulis berusaha untuk meninjau secara lebih dekat pengaruh Pemikiran K. H. Ahmad Dahlan terhadap perkembangan pendidikan Islam, sehingga mudah diterima oleh masyarakat Islam Indonesia khususnya dan Nusantara umumnya. Penulis mencoba untuk menuangkan buah fikiran dalam bentuk disertasi yang berjudul "Pengaruh Pemikiran K. H. Ahmad Dahlan Terhadap Perkembangan Pendidikan Islam Di Indonesia. "

B. TUJUAN DAN KEGUNAAN PEMBAHASAN

Adapun tujuan dan kegunaan pembahasan dari disertasi ini diantaranya ialah:

- a. Disertasi ini bertujuan mengungkapkan secara murni pemikiran dan usaha K. H. Ahmad Dahlan terhadap perkembangan pendidikan Islam, sehingga mudah diterima oleh masyarakat Islam. Selanjutnya dilakukan tinjauan, sehingga hasilnya merupakan suatu pemikiran yang objektif. Menjelaskan tentang betapa besarnya fungsi "Organisasi Muhammadiyah" sebagai organisasi untuk meneruskan usaha dan cita-cita K. H. Ahmad Dahlan.

¹⁹Ibid., h. xii.

- b. Kegunaannya, dalam usaha memenuhi dan melengkapi syarat Sarjana Usuluddin (M. Usul) pada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- c. Agar para pembaca mendapat gambaran yang jelas tentang usaha K. H. Ahmad Dahlan dibidang pendidikan Islam dan amal usaha organisasi Muhammadiyah secara umum.

C. PENGERTIAN TAJUK.

Supaya tajuk disertasi ini dapat difahami sesuai dengan dimaksudkan, maka beberapa istilah tentang tajuk perlu dijelaskan.

Pengaruh : Kesan yang terjadi akibat daripada kejadian sebelumnya.

K. H. Ahmad Dahlan : Seorang tokoh Pejuang Nasional di samping seorang tokoh pendidikan Indonesia, dilahirkan pada tahun 1868 dan meninggal pada tahun 1923. K. H. Ahmad Dahlan merupakan pendiri organisasi Muhammadiyah yang bergerak di bidang dakwah dalam erti yang lebih luas.

Pendidikan Islam : Pendidikan yang bersumberkan kepada Al-Quran dan Sunnah yang sesuai dengan fitrah manusia. Atau "mendidik akhlak dan jiwa, menanamkan rasa keutamaan, membiasakan dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan untuk suatu kehidupan yang suci seluruhnya ikhlas dan jujur."²⁰

Indonesia : Merupakan sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara dan salah satu negara yang termasuk anggota ASEAN, mempunyai penduduk lebih kurang 202 juta jiwa. Merupakan penduduk Islam yang terbesar di dunia.

D. PEMBATASAN MASALAH.

Kerana begitu luasnya permasalahan yang terdapat dalam bahasan ini, maka huraian disertasi ini tertumpu pada pokok fikiran sebagai berikut:

Analisa terhadap pemikiran dan usaha K. H. Ahmad Dahlan dalam meningkatkan perkembangan pendidikan Islam di Indonesia, dan meninjau organisasi yang

²⁰M. Athiyah al Abrasyi, *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, Bulan Bintang, Jakarta, 1970, h. 1.

didirikannya sebagai penerus cita-cita perjuangan K. H. Ahmad Dahlan. Pengaruh atau reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat Islam Indonesia terhadap pendidikan Islam yang diberikan oleh K H. Ahmad Dahlan dan kesannya terhadap pendidikan Nasional Indonesia.

E. SISTEMATIKA PEMBAHASAN

Pembahasan disertasi ini akan disampaikan dalam lima bab, yang terdiri daripada bab dan sub bab.

BAB I PENDAHULUAN:

Merupakan pendahuluan menjadi gambaran umum daripada disertasi ini. Membincangkan masalah-masalah dasar seperti latar belakang masalah, tujuan dan kegunaan pembahasan, penjelasan tajuk, pembatasan masalah serta sistematika pembahasan.

BAB II LANDASAN TEORI:

Di dalamnya dibahas tentang pendidikan Islam, pendidikan Islam di Indonesia, pendidikan formal di Indonesia (Institusi pendidikan Islam di Indonesia).

BAB III METODOLOGI:

Bab ini membicarakan secara khusus kaedah dari penyelidikan tesis ini, di dalamnya di bahas tentang kaedah penentua subjek, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisa data.

BAB IV LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA:

Bab ini merupakan pembahasan utama dari tesis ini di dalamnya dibahas tentang K. H. Ahmad Dahlan dan pembaharuan pendidikan Islam, amal usaha Kiyai Haji Ahmad Dahlan dan aspek-aspek pemikiran Kiyai Haji Ahmad Dahlan yang diterapkan dalam sistem pendidikan Islam di Indonesia.

BAB V PENUTUP:

Merupakan bahagian terakhir dalam penulisan disertasi ini yang berisikan kesimpulan dan saran-saran.

BIBLIOGRAFI